

Pemeriksaan Destinasi Pelancongan bagi Pembangunan Semula Pulau Besar

Empowerment of Tourist Destinations for the Redevelopment of Pulau Besar

EZWANI AZMI, ROSNIZA AZNIE CHE ROSE*, AZAHAN AWANG

ABSTRAK

Pemeriksaan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan pelancongan sesebuah wilayah, semakin menjadi perhatian dalam kalangan sarjana dengan melihat fungsi dalam pembangunan, menjadi konstruk penting kepada individu, organisasi dan komuniti. Malah, pemeriksaan menjadi teras kepada falsafah dalam kemampanan pelancongan. Oleh itu, kajian ini telah menerokai pemeriksaan destinasi pelancongan dalam proses memulihkan dan membangunkan semula destinasi agar industri pelancongan di sesebuah wilayah dapat dilestarikan bukan sahaja di kawasan bandar tetapi juga di luar daripada bandar. Kajian yang dijalankan ini secara kualitatif dalam kajian kes tunggal. Teknik pengumpulan menggunakan kaedah tembual semi struktur dan pemerhatian sewaktu kajian lapangan. Informan yang telah ditemubual seramai 17 individu dalam kalangan pegawai daripada badan kerajaan, pengusaha dalam kalangan masyarakat tempatan dan pemilik aset. Manakala lokasi kajian spesifiknya di Pulau Besar dan pulau sekitar Negeri Melaka yang dibangunkan. Kajian ini telah merujuk Rangka Kerja Scheyvens & Van Der Watt yang menyenaraikan enam indikator pemeriksaan tetapi telah diadaptasi dalam konteks pembangunan semula destinasi pelancongan. Hasil analisa secara tematik dan penemuan kajian yang dibincangkan dalam artikel ini seiring dengan rangka kerja yang dicadangkan seperti indikator ekonomi, politik, sosiobudaya, alam sekitar dan psikologi kecuali pemeriksaan agama yang mana berbeza apabila diadaptasi dalam kajian kes destinasi dan dibincangkan dalam artikel ini. Seterusnya, kajian ini dapat dilanjutkan lagi kepada indikator yang lain dalam mengembangkan ilmu akademik. Disamping itu, berupaya menjadi rujukan untuk menaikkan semula destinasi yang berpotensi untuk dibangunkan agar bermanfaat kepada masyarakat tempatan dan melestarikan industri pelancongan.

Kata kunci: Pemeriksaan; Pemeriksaan destinasi; Destinasi pelancongan; Pemeriksaan destinasi pelancongan; Pembangunan semula destinasi

ABSTRACT

Empowerment plays a crucial role in tourism development in any region, increasingly capturing scholarly attention due to its role in development, becoming a significant construct for individuals, organizations, and communities. Indeed, empowerment forms the core of sustainable tourism philosophy. Therefore, this study explores the empowerment of tourist destinations in the process of revitalizing and redeveloping destinations so that the tourism industry in a region can be sustained not only in urban areas but also beyond. This qualitative study focuses on a single case study approach, utilizing semi-structured interviews and field observations as data collection methods. Seventeen informants were interviewed, including government officials, local community entrepreneurs, and asset owners. The specific study locations were Pulau Besar and the surrounding islands in Melaka, Malaysia. The study adapted Scheyvens & Van Der Watt's Framework, listing six empowerment indicators, to the context of tourism destination redevelopment. Thematic analysis revealed findings discussed in this article align with the proposed framework, covering economic, political, sociocultural, environmental, and psychological indicators of empowerment, except for religious empowerment, which varies in its adaptation within destination studies and is also discussed in this article. Furthermore, this study suggests expanding to explore other indicators to enhance academic knowledge. Ultimately, it aims to serve as a reference for reviving potentially developable destinations for the benefit of local communities and the preservation of the tourism industry.

Keywords: Empowerment; Empowerment of destination; Tourism destinations; Empowerment of tourism destination; Redevelopment of destinations

PENGENALAN

Globalisasi pada masa kini telah mendorong banyak negara untuk bersaing, menjana pertumbuhan ekonomi melalui sektor pelancongan dan terus membangun dengan pesat (Baiq Nila Retna Sari 2020). Oleh itu, banyak kawasan pelancongan semakin berkembang, dilihat berpotensi besar untuk menarik perhatian pelancong termasuklah di Malaysia. Pelancongan telah menjadi enjin kedua dalam pertumbuhan Malaysia yang memberi sumbangan penting kepada pendapatan serta menjadi daya saing secara global (Bhuiyan, Siwar & Ismail 2013). Kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan proaktif dengan mengimplementasikan pelbagai inisiatif dalam Rancangan Malaysia ke Dua Belas (RMK-12) untuk menghidupkan semula industri di pasca pandemik. Terdapat enam strategi telah disasarkan, salah satunya ialah meningkatkan kemampanan produk pelancongan bagi ‘mencergaskan semula industri pelancongan’ negara (Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya 2021). Manakala, Negeri Melaka sebagai salah satu destinasi terkenal Malaysia menyambut seruan RMK-12 melalui Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035. Pembentangan pelan dalam *Melaka Key Result Area* (MKRA) bagi strategi 4, *Flagship* 6 telah menetapkan hala tuju ‘pemeriksaan industri pelancongan’ agar pelbagai peluang perniagaan serta pekerjaan dapat diberikan kepada rakyat disamping mencapai kemampanan industri pelancongan di Negeri Melaka (Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka 2021).

Sebahagian besar tumpuan pelancongan dan penyelidikan di Melaka sebelum ini berfokus di Bandar Hilir yang merupakan kawasan bersejarah. Penjenamaan Melaka sebagai bandar bersejarah begitu kuat sehinggakan pelancong atau pengunjung kurang menerokai ‘sisi’ lain di negeri ini. Secara realitinya, masih ramai yang tidak mengetahui tentang penawaran destinasi, aset dan keistimewaan tempat lain di Melaka seperti eko pelancongan, pelancongan desa, industri kecil komuniti tempatan, agro pelancongan dan kepulauan di Melaka. Sri Winarni, Habibah, Choy, Hamzah & Mohd Fuad (2016) bersetuju bahawa aktiviti dan produk pelancongan harus dipelbagaikan, boleh diperbaharui dan interaktif untuk mempunyai pengalaman yang bermakna dan berharga. Menyedari bahawa Pulau Besar pernah dibangunkan untuk menjadi sebuah pulau tarikan pelancong tetapi sentiasa dibelenggu dengan kegagalan. Oleh itu, kajian artikel ini mengadaptasikan konsep pemeriksaan untuk pembangunan semula pulau bagi menerokai potensi tarikan pelancongan.

Pemeriksaan pelancongan merujuk kepada tindakan yang diambil untuk meningkatkan kemajuan sektor pelancongan bagi mencapai pertumbuhan yang lebih mampan (Khalid, Ahmad, Ramayah, Hwang & Kim 2019). Sebelum ini, kajian pemeriksaan dikatakan bermula dengan kajian tentang produktiviti pekerja di tempat kerja (Armadita & Day 2021). Kini, pemeriksaan telah berkembang dalam sektor pelancongan dengan menumpukan kepada komuniti. Menurut Aghazamani & Hunt (2017), sebanyak 73.6 peratus (%) daripada 53 semakan artikel yang disaring mereka telah membuktikan, penyelidikan pemeriksaan dalam konteks pelancongan tertumpu kepada isu penduduk tempatan. Misalnya kajian W. C. Yew, Ramlan & Ibrahim (2023), Nordin, Tuan Lonik & Jaafar (2014), Fong & Lo (2015) dan Arida, Suryasih, & Parthama (2019). Manakala yang lain adalah perbincangan isu berkaitan jantina seperti penyelidikan Rajamani & Praveen (2013) dan Kunjuran & Rosazman (2017), sedikit sahaja penyelidik membincangkan isu berkaitan pekerja firma pelancongan, dan hospitaliti, isu kehilangan kuasa dan isu berkaitan dengan pelancong. Sebagai contoh, penyelidik Ardahaey & Nabilou (2012), Back et al. (2018) dan Joo, Woosnam, Strzelecka & Boley (2020). Hal ini menunjukkan, terdapat kelompongan bagi kajian pemeriksaan dari sudut pembangunan dan pemulihan semula destinasi. Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan untuk menganalisis tindakan pemeriksaan dari perspektif pembangunan

destinasi pelancongan fokusnya di Pulau Besar dan pulau sekitar sebagai salah satu inisiatif menyokong strategi kemampanan industri pelancongan di Negeri Melaka.

KAJIAN LITERATUR

Bahagian literatur ini mengupas kajian-kajian sarjana berkaitan dengan topik kajian yang merangkumi konsep pemerksaan, kerangka pemerksaan dan pembangunan destinasi pelancongan.

KONSEP PEMERKASAAN

Joo, Woosnam, Strzelecka & Boley (2020) dan Scheyvens & Van Der Watt (2021) mendakwa bahawa tiada istilah tunggal bagi menetapkan definisi pemerksaan yang digunakan dalam bidang pelancongan. Walaubagaimanapun, kajian ini merujuk konsep pemerksaan seperti yang dinyatakan dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat 2021, perkataan pemerksaan merupakan perihal ‘perbuatan’, ‘usaha’ atau ‘tindakan’ manakala memperkasakan beerti ‘menjadikan hebat’ (unggul, kuat atau terkenal). Tambahan lagi menurut Joo et al. (2020), pemahaman pemerksaan adalah cenderung kepada situasi atau isu yang tertentu bagi menjelaskan keperluan untuk memulihkan sektor, komuniti, dan individu dengan menekankan peranan membuat keputusan.

Selain daripada penyelidikan akademik, pemerksaan menjadi perhatian sebagai cetusan dasar kerajaan, membentuk kerjasama dari pelbagai institusi untuk menggalakkan penglibatan tempatan dan keusahawanan (Knight & Cottrell 2016). Sebagai contohnya, pemerksaan komuniti luar bandar telah menggalakkan keusahawanan pelancongan melalui koperasi pelancongan di Kinabatangan, Sabah. Koperasi Pelancongan Kinabatangan (KOPEL) bertindak aktif dengan memberikan peluang pekerjaan yang lebih kepada masyarakat setempat. Antara peluang pekerjaan termasuklah sebagai pemandu pelancong, program melibatkan kebudayaan, program homestay, tukang masak, dan dalam pelbagai aktiviti eko-pelancongan. Lebih separuh daripada 300 komuniti tempatan KOPEL dikatakan bekerja secara sepenuh masa (Lonik 2020). Manakala, kajian pemerksaan juga telah mula dipraktikkan dalam program kerajaan Indonesia yang banyak menjalankan program pemerksaan ekonomi. Antaranya adalah Pemerksaan Komuniti Nasional dan Kredit Perniagaan Rakyat (KUR) untuk membuka peluang keusahawanan, Pembangunan Pemerksaan Wanita Ekonomi Tempatan (P3EL) dan Pendidikan Keluarga Berasaskan Jantina (PKBG) bagi memperkasakan wanita dalam bidang ekonomi. Selain itu, pemerksaan turut dijalankan melalui program berbentuk inovasi iaitu kluster berasaskan Sistem Inovasi Serantau (SIDA). Pembangunan inovasi SIDA ini menekankan kebersamaan dengan penglibatan universiti, majikan, komuniti, dan institut penyelidikan kerajaan di kawasan berkaitan (Pradono, Faisal, Adriani, Rikeu, & Fajriasanti 2016).

KERANGKA PEMERKASAAN PELANCONGAN

Kerangka kerja pemerksaan Scheyvens diinspirasi dalam kajian artikel ini bagi menganalisa pemerksaan dari perspektif destinasi pelancongan. Pertimbangan mengadaptasi kerangka ini semenjak cetusan rangka kerja pemerksaan dalam kajian Scheyvens (1999) dan Scheyvens & van der Watt (2021), semakin rancak diperbincangkan dalam pengembangan teori dan falsafah pembangunan pelancongan. Menurut Aghazamani, Kerstetter, & Allison (2020), kerangka teori

Scheyvens ini dibangunkan dalam konteks ekopelancongan tetapi relevan untuk diadaptasi bagi kajian-kajian pembangunan pelancongan yang lain. Oleh itu, kajian ini mengisi kelompondan dengan mengadaptasi dari perspektif pembangunan destinasi pelancongan. Selain itu, fokus kajian Scheyvens adalah dengan menggunakan kaedah kuantitatif, manakala kajian artikel ini telah dijalankan secara kaedah kualitatif yang akan menyumbang kepada analisis bersesuaian dengan fenomena kajian, memberi impak dari sudut dimensi yang lain. Oleh yang demikian, kajian ini mengadaptasi rangka kerja pemerksaan Scheyvens seperti di jadual 1 bagi mencapai objektif kajian.

JADUAL 1. Rangka kerja Pemerksaan Scheyvens'

Indikator Pemerksaan	
Pemerksaan Ekonomi	Pelancongan membawa keuntungan ekonomi yang berkekalan kepada isi rumah, menawarkan akses yang saksama kepada peluang pekerjaan. Mereka dari yang terpinggir mempunyai peluang untuk mendapatkan jawatan kanan dalam sektor pelancongan atau menjalankan perusahaan berkaitan pelancongan mereka sendiri (cth., restoran, gerai kraf). Isi rumah terpinggir diwakili dalam persatuan perniagaan tempatan, dan mereka boleh mengakses cara pengeluaran cth., tanah, modal.
Pemerksaan Psikologi	Penghormatan orang luar terhadap aset semula jadi dan budaya kawasan itu membawa kepada rasa bangga yang dipertingkatkan dalam kalangan penduduk destinasi. Peningkatan pendapatan daripada peluang pekerjaan dan perniagaan kecil juga membawa kepada peningkatan dalam harga diri dan kedudukan sosial untuk bahagian masyarakat yang sebelumnya berstatus lebih rendah. Contohnya, wanita dan etnik minoriti. Peluang latihan dan pendidikan, serta interaksi dengan pelancong, meningkatkan keyakinan diri dan meluaskan penglibatan mereka dalam masyarakat.
Pemerksaan Sosial	Pelancongan mewujudkan peluang kepada orang ramai untuk lebih terlibat dalam aktiviti komuniti (cth., program pengindahan kampung, pasar tani) yang membina perpaduan sosial. Pelancongan menyokong rangkaian yang menyatukan orang dari latar belakang yang berbeza. Pelancongan menyumbang untuk mewujudkan tempat, infrastruktur dan perkhidmatan yang memberi manfaat kepada semua penduduk tempatan.
Pemerksaan Budaya	Warisan budaya seperti adat, bahasa dan nilai serta tapak budaya, dihargai dan dihormati dalam industri pelancongan dan penduduk tempatan. Perusahaan pelancongan menyediakan gambaran asli budaya, membenarkan kumpulan Orang Asli, khususnya, untuk mewakili budaya mereka sendiri. Mereka daripada budaya minoriti mempunyai rasa bangga yang dipertingkatkan kerana minat terhadap budaya mereka daripada pelancong dan cara budaya mereka dipersembahkan kepada pelancong.
Pemerksaan Politik	Proses perancangan pelancongan secara aktif mencari suara pelbagai orang dalam komuniti pemastautin dan memberi peluang kepada mereka untuk diwakili dalam badan pembuat keputusan. Struktur politik tempatan menyediakan forum untuk penduduk dengan mudah mengemukakan sebarang kebimbangan yang mereka ada tentang operasi perniagaan atau pemaju pelancongan.
Pemerksaan Alam Sekitar	Penduduk mempunyai kesedaran yang dipertingkatkan tentang nilai intrinsik alam sekitar semula jadi dan terlibat dalam usaha pemuliharaan. Kesediaan untuk mengubah tingkah laku untuk mengelakkan kemerosotan atau risiko alam sekitar. Perusahaan pelancongan menerajui dalam melaksanakan amalan mampan dan juga menggabungkan pendidikan alam sekitar untuk tetamu dan penduduk ke dalam kerja mereka. Badan kerajaan tempatan secara aktif memantau kesan pelancongan terhadap alam sekitar, dan memastikan peraturan serta amalan pemuliharaan yang baik diikuti.

Sumber: Scheyvens & Van Der Watt (2021)

Pada awalnya, rangka kerja teori Scheyvens ini telah menunjukkan empat intrumen pengukuran pemerksaan iaitu sosial, psikologi, politik dan ekonomi (Scheyvens 1999). Manakala, Ramos & Prideaux (2014) telah mengembangkan kerangka teori dengan penambahan satu lagi indikator iaitu komponen alam sekitar dalam pemerksaan pelancongan. Seterusnya, kajian dilanjutkan dengan ulasan Scheyvens bagi menguatkan lagi rangka kerja pemerksaan dengan menambah dimensi alam sekitar dan budaya dalam konsep pemerksaannya. Hasil daripada analisis artikel kajian-kajian penyelidikan yang relevan maka pemerksaan pelancongan

disenaraikan dalam enam dimensi iaitu sosial, psikologi, politik, ekonomi, alam sekitar dan budaya (Scheyvens & Van Der Watt 2021). Penyambungan kajian-kajian pemeraksanaan selanjutnya telah mula difokuskan kepada setiap satu indikator seperti Pradono et al. (2016) yang mengkaji pemeraksanaan dari perspektif ekonomi dan Boley, Strzelecka, & Watson (2018) dengan memfokuskan kajian pemeraksanaan psikologi bagi menyokong pembangunan pelancongan.

PEMBANGUNAN DESTINASI PELANCONGAN

Destinasi adalah komponen penting yang menjadi satu lokasi aktiviti pelancongan ataupun sasaran pengunjung untuk mencipta kenangan dan pengalaman (Mason 2020). Istilah destinasi dalam industri pelancongan diolah oleh para sarjana dengan ayat yang berbeza tetapi mempunyai hala tuju dan konsep yang sama. Oleh itu, destinasi diulas sebagai;

JADUAL 2. Tafsiran destinasi pelancongan

Destinasi Pelancongan
Destinasi adalah sebuah tempat atau pusat yang dilawati samada secara sendirian atau berkumpulan (Rashid 2013)
Destinasi wujud samaada secara semula jadi mahupun dibina yang mempunyai daya tarikan (Rashid 2013)
Destinasi terhasil daripada gabungan pelbagai elemen seperti produk, perkhidmatan, infrastruktur untuk kegunaan pengunjung (Ahmad et al. 2017), (Murphy, Pritchard, & Smith 2000), (Presenza, Sheehan, & Ritchie 2005)
Destinasi memberikan pengalaman, kenangan dan mampu mempengaruhi pengunjung untuk tinggal sementara waktu (Mason 2020), (Rashid 2013)
Destinasi wujud dalam pasaran sehingga menciptakan daya saingan (Pechlaner, Hemtrei, & Kofink 2009), (Presenza et al. 2005)
Destinasi melibatkan banyak pihak berkepentingan (Iunius, Cismaru, & Foris 2015), (Paulino, Lozano, & Prats 2021)

Sumber: *Kajian penyelidikan (2024)*

Perancangan dan pembangunan destinasi pelancongan memainkan peranan penting untuk memaksimumkan faedah pelancongan kepada sesuatu kawasan dan mengurangkan masalah yang mungkin berlaku akibat pembangunan. Menurut Coroş, Gică, Yallop & Moisescu (2017), pembangunan pelancongan mempunyai kesan ekonomi yang kritikal dengan menyokong pembangunan manusia, mengurangkan kemiskinan dan mempamerkan identiti dan imej sesebuah tempat. Butler (2017) menambah, selain daripada menjana pendapatan, pembangunan pelancongan membina peluang pekerjaan dan sering dikenal pasti sebagai wahana pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, konsep pemeraksanaan semakin menjadi perhatian dalam pembangunan pelancongan bagi memastikan industri pelancongan berkembang mengikut keupayaan hala tuju yang boleh dicapai. Tanpa pemeraksanaan, pembangunan pelancongan yang mampan dikatakan sukar untuk dicapai oleh masyarakat (Boley, Ayscue, Maruyama & Woosnam 2017).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan secara induktif dengan kaedah kualitatif secara kajian kes. Joo et al. (2020) turut menyokong bahawa kajian pemeraksanaan dalam literatur pelancongan telah didorong oleh kaedah penyelidikan kualitatif. Sifat pemeraksanaan yang kompleks, rumit dan kontekstual menjadikan kajian pemeraksanaan sangat sesuai untuk pendekatan kualitatif. Manakala kajian kes digunakan kerana kekuatan yang memberikan makna fenomena dengan lebih mendalam dan tersembunyi dalam mengkaji tempat atau tapak (Çakar & Aykol 2021). Neuman (2014) menafsirkan kajian kes terdiri daripada pelbagai ciri kes. Kes tersebut boleh menjadi individu,

kumpulan, organisasi, pergerakan, acara atau unit geografi. Kajian kes yang akan difokuskan dalam penyelidikan ini adalah kajian kes terhadap entiti geografi iaitu lokasi/destinasi, mempertimbangkan entiti individu dan organisasi.

Selain itu, kajian ini mengaplikasi kajian kes tunggal dengan memfokuskan sesebuah destinasi pelancongan sebagai unit analisis. Kekuatan karakter, ciri-ciri istimewa dan unik yang ada pada Pulau Besar sebagai unit analisis, destinasi kajian. Creswell & Poth (2018) dalam kajian Yin (2014) mengulas lanjut bahawa satu kes adalah terbaik apabila wujud keperluan untuk mengkaji kes kritikal, kes ekstrem, pendedahan atau unik. Tambahan lagi, Negeri Melaka sebelum ini tidak menumpukan pelancongan pulau sebagai tarikan destinasi yang penting. Misalnya, industri pelancongan Negeri Melaka sebelum ini hanya menawarkan dua belas sub sektor pelancongan iaitu, pelancongan sejarah, pelancongan budaya, pelancongan rekreasi, pelancongan sukan, pelancongan membeli-belah, pelancongan konvensyen, pelancongan kesihatan, pelancongan pendidikan, pelancongan agro, pelancongan makan-makan, pelancongan Melaka Rumah Keduaku dan pelancongan belia (Samsir et al. 2014), tidak termasuk pelancongan pulau. Sehubungan dengan itu, Pulau Besar sebagai pulau peranginan di Negeri Melaka menjadi kajian kes tunggal bagi kajian ini.

Teknik persampelan yang digunapakai untuk kajian ini ialah teknik *snowball*. Hasil daripada perjumpaan bersama para informan menunjukkan bahawa kebanyakan daripada mereka pernah berurusan dan sekurang-kurangnya mengetahui peranan masing-masing dalam bidang pekerjaan. Menurut Mohd Ishak & Abu Bakar (2014), teknik *snowball* dijalankan secara rangkaian, rantaian atau pensampelan reputasi bermula dengan satu dan beberapa orang dan merebak berdasarkan pautan ke kes yang awal. Sampel untuk pengumpulan data temubual ini terdiri daripada sepuluh wakil penting organisasi sama ada jabatan persekutuan, anak syarikat badan berkanun negeri, unit daripada kerajaan negeri sendiri yang berjawatan dan berpengaruh dalam menguruskan serta membuat keputusan dengan pembangunan kajian kes. Selain itu terdapat tujuh informan yang terdiri daripada wakil organisasi dan operator perniagaan persendirian sebagai penggiat industri pelancongan dalam kalangan masyarakat tempatan. Terdapat dalam kalangan mereka juga mewakili organisasi sebagai pemilik aset di lokasi kajian. Jumlah informan secara keseluruhannya adalah seramai 17 orang dalam kajian pemerikasaan ini. Menurut hujahan dalam artikel Boddy (2015), kebanyakan penyelidik mengesyorkan 15 hingga 30 temu bual bersesuaian untuk kajian kes. Sementara itu, majoriti temu bual telah dijalankan secara bersemuka. Manakala tiga informan secara panggilan telefon atas faktor masa dan jarak yang tidak dapat dipenuhi.

LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Negeri Melaka Bandar Bersejarah begitu mashyur dalam kalangan pelancong terutamanya pelancong domestik. Lokasi yang strategik, tidak terlalu jauh daripada pusat bandar Kuala Lumpur dan lapangan terbang KLIA. Sempadan antarabangsa antara Negara jiran pula berhampiran dengan Singapura dan Indonesia menambahkan lagi populariti Negeri Melaka. Meskipun pelancong gemar mengunjungi Negeri Melaka, lokasi yang sering dituju adalah tapak warisan UNESCO di Bandar Hilir, Melaka biasanya wajib dikunjungi. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa tempatan sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memperkenalkan aset-aset lain di Negeri ini yang boleh dikunjungi oleh pelancong. Kini, Melaka akan mula memperkenalkan produk baharu dengan memfokuskan kepada pembangunan 'pelancongan pulau' untuk dijadikan destinasi tarikan pelancong di negeri ini. Terdapat 16 buah pulau di Melaka telah dikenalpasti (Jabatan Ukur dan Pemetaan, Malaysia 2019) dan kini diselia oleh pihak Majlis Pembangunan Pulau-Pulau Melaka

sebagai organisasi yang bertanggungjawab bagi merancang dan menyelaraskan pulau-pulau di Negeri Melaka (Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka 2021).

SENARIO DI PULAU BESAR DALAM KAJIAN KES

Kawasan utama kajian adalah di Pulau Besar iaitu sebuah pulau yang terletak di dalam Mukim Pernu, Daerah Melaka Tengah Negeri Melaka dan di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB). Sekian lama Pulau Besar menjadi kawasan tumpuan terutamanya kunjungan daripada pasaran tertentu seperti para penziarah makam yang dilihat bersifat 'privasi' disebabkan aktiviti kerohanian dan kepercayaan. Walaubagaimanapun pulau ini terbuka, digemari juga untuk aktiviti seperti berkhemah dan tempat bersantai dalam kalangan masyarakat tempatan. Kini, Pulau Besar menjalani proses pembangunan secara pemuliharaan semula untuk tujuan pelancongan. Selain dari Pulau Besar, pelancongan pulau turut meneroka pulau-pulau yang lain sebagai produk baharu. Sebagai contohnya tiga pulau dalam proses permohonan untuk mendapatkan status Taman Laut akan diperkenalkan sebagai produk baharu pelancongan Negeri Melaka tentunya menjadi perhatian pelancong ke Negeri Melaka dalam 'sisi' yang berbeza. Meskipun Pulau Besar merupakan lokasi utama penyelidikan, tetapi kewujudan pulau-pulau yang mengelilingi sekitar Pulau Besar turut memberi impak dan refleksi yang positif kepada lokasi kajian ini. Maka kajian ini turut menyentuh kekuatan pulau-pulau di sekitar yang membantu perkembangan destinasi pelancongan di Pulau Besar.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini menerangkan demografi informan, senario kajian kes di Pulau Besar dan perbincangan penemuan sebagai objektif utama kajian melibatkan proses dan tindakan pemerkasaan destinasi pelancongan yang merangkumi elemen ekonomi, politik, agama dan sosio-budaya, alam sekitar dan psikologi.

DEMOGRAFI INFORMAN

Latar belakang informan dalam kajian ini meliputi umur, jantina, bangsa, taraf pendidikan dan pekerjaan. Seramai 17 para informan dalam kajian ini meliputi para pegawai daripada badan kerajaan, para pengusaha perkhidmatan dan perniagaan dan pemilik aset atau bangunan. Hasil kajian menunjukkan, terdapat 16 informan terdiri daripada lelaki dan hanya seorang informan dalam kalangan wanita. Manakala dari segi umur, hanya seorang yang berumur dalam lingkungan lewat dua puluhan iaitu 27 tahun. Selebihnya, sebelas orang informan berumur antara 30 sehingga 49 tahun dan lima orang informan dalam lingkungan umur 50 sehingga 69 tahun. Para informan ini terdiri daripada kaum Melayu dan seorang sahaja daripada India Muslim.

Seterusnya, kelulusan pendidikan para informan ini menunjukkan hanya seorang sahaja yang telah memiliki Ijazah Sarjana, sementara tujuh orang mempunyai Ijazah Sarjana Muda, tiga orang memiliki diploma dan enam orang memiliki sijil kemahiran serta SPM. Para informan yang mempunyai sijil pendidikan tertinggi daripada universiti ini merupakan informan dalam kalangan badan kerajaan, manakala sijil kemahiran dan SPM ini dalam kalangan para pengusaha perniagaan dan perkhidmatan. Sementelah itu, dari segi pengalaman kerja menunjukkan hanya tiga orang informan mempunyai pengalaman kerja di bawah daripada 10 tahun. Seramai lapan informan lagi

mempunyai pengalaman kerja sepuluh sehingga berbelas tahun dan enam informan telah berkhidmat lebih daripada dua puluh tahun di dalam bidang yang mereka ceburi. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti informan mempunyai pengalaman kerja yang lama melebihi 10 dan 20 tahun dalam perkhidmatan mereka dalam industri dan pembangunan pelancongan ini. Ringkasan butiran informan disenaraikan dalam jadual 3.

JADUAL 3. Butiran demografi informan

Informan	Umur	Jantina	Pengalaman kerja (bidang sekarang)	Bangsa	Kelulusan
IN1	50an	Lelaki	23 tahun	Melayu	Ijazah Sarjana Muda
IN2	50an	Lelaki	23 tahun	Melayu	Ijazah Sarjana Muda
IN3	30an	Lelaki	14 tahun	Melayu	Ijazah Sarjana Muda
IN4	30an	Lelaki	10 tahun	Melayu	Diploma
IN5	40an	Lelaki	23 tahun	Melayu	Master
IN6	30an	Lelaki	10 tahun	Melayu	Ijazah Sarjana Muda
IN7	40an	Lelaki	10 tahun	Melayu	SPM
IN8	50an	Lelaki	26 tahun	Melayu	Sijil
IN9	30an	Lelaki	13 tahun	Melayu	SPM
IN10	60an	Lelaki	10 tahun	Melayu	SPM
IN11	30an	Perempuan	1 tahun	Melayu	Ijazah Sarjana Muda
IN12	50an	Lelaki	17 tahun	Melayu	Diploma
IN13	20an	Lelaki	6 tahun	Melayu	Diploma
IN14	30an	Lelaki	4 tahun	Melayu	Ijazah Sarjana Muda
IN15	40an	Lelaki	21 tahun	India Muslim	SPM
IN16	30an	Lelaki	10 tahun	Melayu	Ijazah Sarjana Muda
IN17	40an	Lelaki	20 tahun	Melayu	SPM

Sumber: Temubual bersama penyelidik (2022-2023)

PEMERKASAAN DESTINASI PELANCONGAN

Bahagian ini membincangkan hasil analisis serta menghuraikan kajian secara penerokaan dengan memfokuskan kepada tindakan pemeraksanaan destinasi pelancongan bagi mencapai objektif kajian. Kajian ini telah mengadaptasi Rangka Kerja Scheyvens yang menyenaraikan elemen pemeraksanaan dan akhirnya mendapati indikator ekonomi, politik, agama dan sosio-budaya, alam sekitar dan psikologi dalam proses memperkasakan pembangunan semula destinasi pelancongan di Pulau Besar ini.

EKONOMI

Hasil kajian mendapati, terdapat beberapa tindakan yang dijalankan bagi mendatangkan manfaat untuk memperkasakan ekonomi masyarakat dan pelancongan Negeri Melaka. Antaranya peluang baharu penjana pendapatan dan mengembangkan perniagaan, membuat pengezonan memancing dalam Taman Laut, memberi bantuan peralatan, peruntukan kewangan serta penyewaan aset.

Penemuan kajian mendedahkan pihak kerajaan secara terus memberi perhatian untuk mengenalpasti kawasan berpotensi pelancongan yang boleh dipulihkan sebagai produk pelancongan Negeri Melaka. Hal ini dibuktikan dengan perancangan strategik pemulihan Pulau Besar seperti menambahbaik infrastruktur dan fasiliti serta produk baharu di pulau lain sekitarnya boleh memberi kelebihan dalam peningkatan peluang kepada masyarakat tempatan. Ia selari dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik lain seperti Rosniza Aznie et al. (2012) yang mana pantai peranginan pelancong seperti di Besut Terengganu juga telah membuka peluang pekerjaan seperti jualan kraf tangan, produk makanan dan penginapan, maka masyarakat tempatan tidak hanya boleh bergantung kepada pekerjaan tradisional sebagai nelayan sahaja. Sekiranya produk baharu dipasarkan secara berkesan, peluang untuk menjana pendapatan dalam pelbagai saluran lagi akan dibuka dengan lebih luas kepada masyarakat tempatan, tidak mustahil produk pelancongan pulau di Negeri Melaka ini akan semakin dikenali dan akan kekal berdaya saing.

Pulau-pulau di sekitar Pulau Besar telah diperkenalkan sebagai khazanah alam yang mempunyai nilai tinggi dan mampu menjadi tarikan pelancongan. Penemuan kajian memperlihatkan khazanah pulau-pulau ini telah diwartakan sebagai Taman Laut Negeri Melaka dan diperkenalkan sebagai produk baharu yang akan menyokong ekonomi di dalam kluster Pulau Besar. Impaknya, membuka lebih banyak peluang pekerjaan yang boleh diterokai masyarakat tempatan dalam cabang yang berbeza. Peluang baharu untuk menjana pendapatan dan mengembangkan perniagaan ini turut diulas oleh informan IN1, IN2, IN5, IN8 dan IN16. Misalnya;

“...Gerai nombor 5 tu dah orang lain dah. Pemandu bot, Umbai punya. Dia kembangkan perniagaan pula di situ...”

(Informan IN16)

Terdapat juga pengusaha yang mengakui sedang mencari potensi dan ruang yang boleh dilakukan bagi memperluaskan peluang pendapatan mereka seperti yang dimaklumkan oleh informan IN5 dan informan IN16. Hal ini dikuatkan lagi dengan pernyataan Ghani & Abdul (2021) yang mana impak ekonomi berlaku apabila masyarakat setempat mempunyai peluang pekerjaan dan dapat mengutip hasil daripada sektor pelancongan. Disamping itu, pihak kerajaan yang terlibat turut membantu masyarakat tempatan dengan memberikan bantuan peralatan untuk menggalakkan mereka terlibat dalam penawaran aktiviti pelancongan dan rekreasi seperti snorkel dan *island hopping* yang mana sebelum ini tidak dipasarkan secara meluas sebagai produk pelancongan Negeri Melaka. Perkara ini diakui oleh informan IN7, IN8 dan IN9.

“...bantu ada la juga.. Lebih kepada perikanan la. Yang kita orang dapat daripada perikanan la. Kursus, peralatan.. Macam-macam berkaitan peralatan laut. Kursus tu untuk lesen bot, COC tu dengan sijil *snorkeling*.. Sijil *snorkeling* membantu.. Banyak membantu tu daripada tak tahu apa-apa...”

(Informan IN9)

Sejak dahulu lagi kebanyakan pulau-pulau di Negeri Melaka ini lebih bebas untuk ditawan oleh para nelayan dan pemandu bot untuk mencari rezeki. Setelah pulau-pulau ini mula menjadi perhatian pihak kerajaan dengan tujuan untuk melestarikan ekosistem hidupan laut dan alam sekitar, beberapa kawasan telah diwartakan sebagai kawasan larangan untuk tujuan menangkap ikan atau sebarang hidupan lain di laut. Walaubagaimanapun, terdapat rungutan masyarakat tempatan yang terjejas dalam mendapatkan hasil mata pencarian mereka terutamanya para nelayan dan para peminat aktiviti memancing. Perkara ini turut diakui oleh Salleh, Shukor & Idris (2017) dalam kajian beliau di Pulau Tioman yang mana pewartaan pulau sebagai Taman Laut sudah pasti

menghalang aktiviti utama penduduk tempatan pulau terutamanya nelayan. Meskipun perkara ini bukanlah perkara yang baru, tetapi pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil inisiatif untuk mendengar rintihan masyarakat tempatan. Hal ini bagi mengelakkan daripada berlaku seperti di Pulau Tinggi, Mersing Johor iaitu penghijrahan penduduk disebabkan kawasan nelayan yang telah terjejas semenjak pengisytiharan pulau tersebut sebagai kawasan Taman laut. Hasil kajian menunjukkan bahawa rintihan penduduk tempatan masih dipertimbangkan oleh pihak pelaksana bagi memastikan para nelayan masih dapat menangkap ikan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Terdapat kawasan zon menangkap ikan disediakan meskipun dalam kawasan Taman Laut tetapi masih dalam zon kawalan seperti yang dimaklumkan informan IN5. Inisiatif ini dibuat agar para nelayan masih mempunyai harapan untuk mencari rezeki dan tidak segera berputus asa sementara mengusahkan peluang cabang lain untuk diceburi.

Pihak kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dilihat terlibat sepenuhnya dalam menyalurkan kewangan bagi membangunkan destinasi pelancongan pulau-pulau di Negeri Melaka. Peruntukan kewangan banyak dibelanjakan bagi membina dan membaikpulih utiliti seperti kemudahan asas air bersih dan elektrik. Selain itu, terdapat peruntukan kewangan yang diperolehi bergantung kepada saluran dan tujuan permohonan. Antara saluran kewangan yang boleh dipohon adalah melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) di bawah penganjuran program, Tabung Amanah, peruntukan wakaf, pembentangan kewangan daripada kerajaan negeri atau pun dengan menjalankan kerjasama daripada jabatan atau agensi yang lain agar geran dapat diperolehi seperti di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ataupun Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) seperti yang dimaklumkan oleh informan IN1, IN2, IN5 dan IN17.

Dari segi penyewaan aset yang beroperasi di Pulau Besar buat masa ini terdiri daripada bangunan-bangunan kedai, tandas, penginapan dan jeti yang telah disewakan kepada pengusaha atau operator. Penyewaan aset-aset ini dimiliki oleh beberapa organisasi berbeza yang telah disewakan dalam perjanjian secara kontrak. Melalui kajian yang telah dijalankan, meskipun para pemilik aset ini tidak menceritakan status untung atau rugi hasil sewaan, tetapi hasil kajian mendapati organisasi ini telah sedia maklum dengan status aset di Pulau Besar yang tidak stabil. Hal ini terbukti dengan kekerapan pertukaran operator dan peluang yang diberikan kepada para penyewa. Hasil daripada kajian dan maklumbalas informan IN17, IN13 dan IN14, terdapat pemilik aset yang agak tegas dengan penawaran harga penyewaan. Ketetapan harga turut diletakkan hasil daripada penilaian aset seperti yang telah dimaklumkan oleh informan IN17:

“...Penyewaan kita bergantung kepada penilaian Jabatan Penilaian Harta. JPPH tu, jadi kita kebanyakannya semua aset kita tak kisahlah pelancongan atau bukan, kita akan ada nilai JPPH. Tawaran sewaan yang kita akan keluarkan kepada syarikat sama ada sama atau lebih. Tak boleh kurang. Boleh kurangkan contoh gerai tu harga RM650 contoh la.. Nilai JPPH kita tawarkan 650 atau lebih. Tapi tak boleh kurang, kurang boleh tapi dia akan jadi satu isu nanti. Isu kepada audit ke.. Kita dah ada penanda aras kepada harga sewaan...”

(Informan IN17)

Sementara itu, kajian yang dijalankan menunjukkan segala tindakan kerajaan difahami dan akur dalam kalangan mereka yang terlibat. Majoriti informan mengakui bahawa mereka menghadapi kesukaran buat masa ini dari segi pendapatan yang terjejas akibat pengunjung yang mendadak berkurangan kesan daripada Pasca COVID-19 dan pemulihan pulau. Walaubagaimanapun, mereka tetap berharap akan mendatangkan peluang yang lebih baik pada masa hadapan. Terdapat luahan kesedihan disebabkan penurunan pendapatan dan kemerosotan pengunjung, tetapi mereka dapat melihat bahawa aktiviti yang negatif dan tidak sihat di Pulau Besar dapat dikekang. Justeru, mereka tidak mempunyai banyak pilihan dan memahami proses

serta tindakan pemulihan yang dijalankan. Hasil kajian ini selari dengan kajian Sharif (2017) yang mana masyarakat tidak mempunyai banyak pilihan dan akan tetap menyokong tindakan kerajaan. Perkara ini disebabkan kawasan pulau merupakan kawasan yang kecil dan terhad dari segi ekonomi dan kebergantungan pendapatan utama mereka dalam sektor ini.

ALAM SEKITAR

Hasil analisa kajian menunjukkan tindakan besar dalam memperkasakan alam sekitar adalah dengan mewartakan Kawasan Perlindungan Marin dan Taman Laut. Selain itu, terdapat tindakan menjalankan aktiviti konservasi dan pemuliharaan agar ekosistem marin, flora dan fauna. Hasil kajian menunjukkan bahawa, program konservasi dan pemuliharaan alam seringkali dijalankan oleh beberapa badan kerajaan seperti Majlis Pembangunan Pulau-Pulau Melaka dan Pejabat Perikanan. Hal ini turut diakui dan sebahagian informan dalam kalangan pengusaha turut melibatkan diri dalam aktiviti memulihara alam sekitar.

Semenjak daripada pembangunan semula Pulau Besar dan penerokaan khazanah dasar laut telah ditemui, hasil kajian mendapati pemerksaan alam sekitar semakin jelas dengan tindakan menjaga dan memulihara khazanah pulau-pulau di Negeri Melaka. Antaranya, menjadikan Pulau Besar sebagai Kawasan Perlindungan Marin dan mewartakan beberapa pulau berhampiran sebagai Taman Laut. Kawasan Perlindungan Marin ini telah lama diwartakan sekitar Pulau Besar tetapi semakin diperluaskan lagi dengan pengenalan Taman Laut yang merangkumi Pulau Nangka, Pulau Dodol dan Pulau Undan. Perkara ini telah diulas oleh informan IN1, IN3, IN5, IN7 dan IN14.

“...kita gazetkan tiga Taman Laut ni. Pertama untuk pembiakan ikan. Kesan aktiviti tambak laut. Kedua, dari segi.. had pelabuhan kapal. Melaka ni kan dah terkenal kawasannya sampai had pelabuhan kapal-kapal besar. Kalau tak wartakan, mungkin satu hari nanti, kapal-kapal besar ni akan berlabuh di belakang-belakang pulau dan menyebabkan kerosakan marin. Jadi memang kita dah buat kajian. Banyak kawasan-kawasan coral terjejas...”

(Informan IN5)

Kawasan perlindungan ini amat penting bagi melestarikan alam sekitar dan hidupan laut. Tambahan lagi dengan kedudukan negeri ini di Selat Melaka, menjadi laluan kapal-kapal dan tambakan laut yang semakin luas akan mengganggu habitat marin ini. Disamping itu melalui perspektif pelancongan, pengiktirafan Taman Laut boleh menjadi satu lagi tarikan pengunjung ke pulau-pulau di Negeri Melaka. Tambahan lagi membuka potensi yang lebih luas kepada Pulau Besar sebagai hub pelancongan pulau. Hal ini disokong dengan kajian Ramli & Idris (2016) yang mendakwa bahawa industri pelancongan mampu menjadi ejen perubahan kepada sesebuah kawasan atau destinasi. Malah dapat mewujudkan potensi yang baharu dalam pelancongan marin. Selain itu, hasil penemuan turut menunjukkan bahawa terdapat pelbagai usaha untuk memperkasa tindakan melibatkan konservasi alam sekitar yang dilakukan oleh beberapa pihak. Antara aktiviti yang dilakukan adalah menambah habitat ikan dan terumbu karang, menurunkan tukun, penanaman paya bakau dan melindungi habitat flora dan fauna seperti yang didedahkan oleh informan IN2, IN5, IN8, IN13 dan IN14.

“...Tukun yang kita dah lepaskan berperingkatlah. Bermula daripada 2008, 2009, 2020 dan 2022. Untuk yang terakhir ni.. (tunjuk dibahagian tahun 2022), kita bekerjasama dengan Jabatan Perikanan dan Politeknik untuk dapatkan satu bancuhan arr simen..yang... lambat nak berlumut ataupun tahan dalam dasar air. Jadi dia orang pun mengkajilah...”

(Informan IN13)

Kajian ini turut mendapati bahawa terdapat usaha pembersihan yang dijalankan seperti gotong-royong dan pengumpulan pukat hantu dengan melibatkan kerjasama pelbagai institusi. Perkara ini dilihat konsisten dengan beberapa kajian melibatkan alam sekitar seperti kajian Polnyotee & Thadaniti (2015) di Patong Beach, Thailand yang turut bekerjasama dengan institusi seperti sekolah dalam program interaktif sebagai strategi pembangunan alam sekitar. Tindakan pemerkasaan alam sekitar memfokuskan kepada pengetahuan dan komitmen untuk memulihara biodiversiti dengan mewujudkan program pendidikan alam sekitar, program pemulihan dan penyelidikan pemuliharaan seperti aktiviti pengurusan alam sekitar bagi melindungi dan memelihara ekosistem (Ramos & Prideaux 2014).

AGAMA DAN SOSIO-BUDAYA

Indikator pemerkasaan agama dan sosiobudaya telah memaparkan, beberapa tindakan yang dilakukan oleh badan kerajaan selaku pihak yang bertanggungjawab terhadap sebarang kegiatan, aktiviti dan keamanan sesebuah kawasan. Antara maklumbalas dan tindakan yang sering diterima berkaitan Pulau Besar adalah berkaitan dengan tindakan memulihara dan melindungi kesucian kubur umat Islam. Selain itu, penemuan mendapati terdapat tindakan mencegah aktiviti khurafat, mengimarahkan surau dan perbincangan mengenai sensitiviti agama masyarakat hasil maklumbalas informan dalam kalangan badan kerajaan, pengusaha/pemilik aset dan pengakuan pengunjung sendiri. Hasil kajian turut memperoleh pelaksanaan yang lain seperti tindakan mengeluarkan fatwa, teguran dan larangan aktiviti, melaksanakan penguatkuasaan dan pemantauan.

Tradisi menziarahi makam keramat di Pulau Besar ini semakin luas dalam kalangan masyarakat bukan sahaja yang beragama Islam, tetapi juga yang bukan beragama Islam yang dibawa secara turun temurun. Malah di Pulau Besar ini, sering dikunjungi daripada pelbagai kaum majoritinya berbangsa India dan India Muslim. Seterusnya berbangsa Melayu dan minoriti kalangan berbangsa Cina seperti yang diperhatikan penyelidik sewaktu kajian lapangan dan hasil maklumbalas informan IN1, IN3 dan IN14. Tidak dapat dinafikan, dalam agama Islam sendiri menziarahi makam merupakan salah satu Sunnah dan tiada larangan. Sari, Wajdi, & Narulita (2018) turut menekankan dalam Islam, ziarah kubur dianggap sebagai perbuatan sunah iaitu apabila dikerjakan mendapat pahala dan apabila ditinggalkan tidak berdosa. Tetapi malangnya, kajian mendapati pengunjung yang hadir semakin berkembang dengan individu kumpulan manusia yang pelbagai latar agama dan motif yang meragukan.

Terdapat aktiviti yang bertentangan dengan agama Islam berleluasa seperti sembahyang yang dilakukan individu bukan orang Islam di kubur Islam, doa, permintaan dan amalan-amalan tertentu yang bertentangan bagi agama Islam. Antara yang berlaku di Pulau Besar adalah dengan meletakkan colok, bunga, untuk sembahyang, kubur yang ada di Pulau Besar ada di merata tempat. Perkara ini masih berlaku dan disaksikan penyelidik sewaktu kajian lapangan dijalankan bersama informan IN14. Justeru, aktiviti seperti ini sama sekali dilarang pada kubur umat beragama Islam. Perkara sebegini turut berlaku di beberapa makam di Indonesia seperti di Kabupaten Pidie Aceh yang melakukan upacara rah ulei di perkuburan Ulama. Arifin & Hambali (2016) bersetuju yang mana pemujaan terhadap ahli kubur merupakan perkara yang melanggar dengan akidah Islam. Sama seperti di Singapura yang mana penyembahan kubur keramat dianggap haram oleh banyak orang dalam masyarakat Islam, termasuk pemimpin agama, kerana ia boleh dilihat sebagai penyembahan berhala dan berdosa (syirik), menyembah sesuatu selain daripada Allah swt (Husni 2019).

Rentetan daripada pelbagai kaedah upacara, hajat, sembahyang dan doa yang menjurus kepada aktiviti khurafat seperti isu yang didakwa oleh para informan IN2, IN10, IN14, serta aktiviti pemujaan kubur yang dijelaskan secara terperinci oleh Syaimak Ismail, Latifah Abd. Latif & Faiz Mohd Baharom (2022) akhirnya, pihak kerajaan dan pihak berkuasa agama mengambil tindakan agar ianya terkawal. Antara tindakan yang dilakukan adalah dengan melakukan kajian ke atas kubur-kubur, mengenal pasti sejarah secara penulisan atau lisan masyarakat. Maka, hasil kajian yang dilakukan mendapati banyak kubur yang tidak bernama, tiada penulisan asal usul dan kesahihan, seterusnya dialihkan dan sebahagian yang tiada penemuan dihapuskan. Perkara ini turut diakui oleh informan IN3, IN4, IN17, IN11, IN12 dan IN14 sebagai saksi pelaksanaan pencegahan aktiviti yang dikatakan khurafat;

“...tapi saya fikir apa yang kerajaan negeri buat pembersihan pulau daripada khurafat-khurafat apa semua tu adalah cara yang betul. Saya fikir ianya langkah yang betul.. Kami sebagai pemilik tanah, tidak mengalu-alukan mereka...”

(Informan IN14)

Hal ini berbeza dengan apa yang berlaku di Desa Bukit Batu, Sumatera Selatan, Indonesia seperti yang dikaji oleh Aniska (2015) yakni, tiada tindakan pengekangan dijalankan ke atas aktiviti pemujaan yang dilakukan oleh masyarakat meskipun diketahui oleh para pegawai agama mereka. Sedangkan di Pulau Besar, langkah pengawalan semakin diperkasakan. Bagi membendung aktiviti khurafat di pulau ini maka penguatkuasaan semakin ketat, larangan aktiviti bertentangan agama Islam agar kesucian makam agamawan dapat dijaga seperti yang didakwa oleh informan IN2 dan IN3. Hasil kajian juga mendapati, tindakan lain yang diambil sebagai salah satu usaha membanteras kegiatan yang tidak sihat dan salah guna lokasi pemakaman adalah dengan mengimarahkan aktiviti di surau Pulau Besar.

“...objektif kita supaya ‘yang ni’ tak masuk balik la. Satu la antaranya. Kalau tidak, dia masuk. Bahaya.. Yang kedua Kita nak naikkan, nak imarahkan la supaya puasa ada orang tahlil, tarawikh pun ada. Sebelum-sebelum tu dah ada. Masa ambil alih dah ada dah. Sebab imam-imam bergilir ni pun kalau boleh bulan puasa komitmen penuh di sini. Kalau pun tak bertugas, datang untuk imarahkan...”

(Informan IN12)

Proses imarahkan surau turut diadakah sewaktu Bulan Ramadhan. Program ini didedahkan oleh informan IN4, IN10 dan IN12. Antara usaha yang dibuat adalah menetapkan waktu untuk menaiki bot agar sesiapa yang ingin menyertai boleh turut sama menaiki bot yang disediakan oleh pihak Majlis Agama dan menyediakan juadah berbuka puasa. Sewaktu menjalankan kajian, terdapat para pengunjung yang tinggal sehari-hari di Pulau Besar untuk fokus mengerjakan ibadah bersempena Ramadhan di pulau ini. Selain itu, tahu akan situasi salah pembawakan kepercayaan agama, pihak Majlis Agama Islam Melaka mengambil beberapa langkah dan tindakan untuk mengatasi dengan mengeluarkan fatwa, melantik pegawai syarak di Pulau Besar, menaikkan papan-papan larangan aktiviti tidak baik dan salah, memberi teguran dan menjaga makam daripada sebarang aktiviti yang berlebihan sehingga menjejaskan makam. Hal ini telah diakui oleh informan IN10, IN11 dan IN12.

“...dulu pasal batu nisan ni, patah atas ni je.. Dia orang berebut-rebut nak tukar. Nak tukar, Mufti keluar fatwa.. Batu nisan yang mana elok, masih lagi walaupun masih lagi ada sikit-sikit supak, Tak payah tukar. Jadi kita tak tukar. Batu nisan tu ada lagi disimpan. Yang baru tu, yang lama kita tak kacau. Dia orang nak ambil batu ni, kalau dapat batu ni, dia orang akan buat makam lain. Itu yang bahaya tu. Sedangkan pasir dekat makam dia orang boleh buat makam lain. Tu kita tak nak bagi dia orang terlepas. Kita jaga je. Kerja kita pelihara, jaga je. Takut benda tu jadi asbab tempat lain jadi ni...”

(Informan IN12)

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka yang bersidang pada tahun 2014 telah mewartakan fatwa dengan mengeluarkan senarai amalan dan kepercayaan khurafat di Pulau Besar Melaka sebagai satu amaran kepada masyarakat (JAKIM 2015; Mohd Kamel, Muhammad Firdaus & Mohd. Asyran 2021). Manakala, tindakan dengan amaran yang lebih tegas dilaksanakan di kubur keramat Tuan Syarif, Brunei yang mana dalam artikel Husni (2019) semakan ke atas penulisan Dominik M. Müller, “*Sharia Law and the Politics of Faith Control*” memaklumkan pejabat Islam Bahagian Kawalan Aqidah (BKA) of Brunei di sana menjalankan pengawasan dan telah memasang papan tanda mengenai tempoh penjara bersama dengan hukuman di akhirat jika melakukan kesalahan di kubur keramat. Sementara itu, terdapat perkara yang sering diutarakan informan mengenai budaya dan cara pembawakan pelancong di Pulau Besar yang menyentuh sensitiviti masyarakat tempatan secara mereka tidak sedar. Sebagai contohnya membawa perilaku mabuk, berpakaian seksi dan sebagainya. Pendedahan mengenai sensitiviti masyarakat ini telah didakwakan oleh informan IN7, IN11, IN12, IN16 dan IN17.

“...kena patuh syariah untuk jalankan resort. Tak boleh arak, tak ada yang menari joget-joget. Buat masa ni dekat situ je la, kita laksanakan penginapan patuh syariah tu, lagi pun lebih kepada mungkin juga untuk menghormati kawasan tu la kan. Sebab kawasan pulau kan. Kita pulak sebagai pemilik Bumiputera kan, jadi kita memang laksanakan la patuh syariah tu la...”

(Informan IN17)

Bagi menjaga sensitiviti masyarakat yang menghormati makam para wali di Pulau Besar yang dianggap suci ini, hasil kajian mendapati, para pemilik aset dan pengusaha perniagaan turut bekerjasama untuk menjaga sensitiviti masyarakat agama Islam dengan mengamalkan perniagaan patuh syariah. Antara syarat kepada operator atau penyewa perniagaan di Pulau Besar mestilah mengamalkan perniagaan patuh syariah.

POLITIK

Hasil analisis indikator politik menunjukkan kepentingan terhadap punca kuasa seperti yang diakui oleh beberapa informan dalam kalangan badan kerajaan dan pihak pemilik aset. Hal ini disebabkan arahan dan keputusan yang jelas melibatkan pentadbiran bagi sesebuah kawasan. Selain itu, beberapa informasi turut diperolehi berkenaan dengan kepentingan kuasa besar yang telah melancarkan operasi dalam pembangunan destinasi dan situasi sebagai badan berkecuali apabila melibatkan kuasa dalaman politik tempatan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat peralihan kuasa yang berlaku di Pulau Besar secara besar-besaran dalam tindakan melakukan perubahan. Isu punca kuasa dan pentadbiran kawasan turut disebutkan oleh informan IN9, IN10, IN11 dan IN12. Sebelum ini, terdapat kebebasan kuasa dalam melakukan aktiviti di pulau yang dipelopori oleh persatuan dengan penglibatan masyarakat tempatan dan pengunjung yang datang ke Pulau Besar. Malangnya, hasil kajian mendapati aktiviti di Pulau Besar dikhabarkan merebak tanpa kawalan seperti menggugat kesucian makam umat Islam serta pelbagai gejala negatif yang dilakukan di pulau ini. Hal ini turut menimbulkan pelbagai spekulasi seperti yang dimaklumkan oleh informan.

“...pertubuhan-pertubuhan banyak sekarang ni nak rampas pulau. Dah macam-macam badan nak masuk pulau. Tubuhkan pertubuhan, tubuhkan persatuan, nak ambil pulau ni. Banyak orang nak ‘tangkap’ saya untuk jadi ahli dia. Sebenarnya satu-satu benda matlamat diorang ni semata-mata nakkan duit. Saya dah buat kajian, kau nak harapkan orang derma-derma. Mamak banyak datang bagi menderma. ‘Siapa nak derma masuk akaun aku. Aku ada persatuan nak jaga di sini.’ Tu matlamat yang sebenarnya. Macam tabung dekat pulau ni, tabung dekat makam ni... Makam tu ‘collection’ setahun banyak dapat. Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) jaga semua. Tabung tu di hantar ke Baitulmal, ada rekod dia...”

(Informan IN10)

Pemeriksaan dalam dimensi politik ini tidak begitu konsisten dengan kebanyakan kajian pemeriksaan politik. Sebagai contohnya, Scheyvens & Van Der Watt (2021) yang menghuraikan bahawa masyarakat mempunyai keupayaan sama ada untuk mengambil bahagian atau tidak untuk meneruskan pelancongan di kawasan mereka. Malah, Joo et al. (2020) pula memperlihatkan kecenderungan penduduk untuk bergiat aktif dalam politik sekiranya suara mereka didengari dalam kalangan pihak yang terlibat dalam pembangunan pelancongan. Walaubagaimanapun, melalui kajian kes di Pulau Besar ini mendapati, terdapat peralihan kuasa daripada masyarakat kepada pihak kerajaan. Perkara ini adalah bertentangan daripada kebiasaan kajian tindakan pemeriksaan yang kebiasaannya menyerah kuasa kepada masyarakat. Hal ini berikutan, tindakan kawalan, aktiviti negatif yang semakin merebak disamping bertujuan membangunkan semula Pulau Besar. Oleh itu, pihak kerajaan dilihat perlu mengambil tindakan yang tegas untuk memperolehi kuasa dalam mengawal tadbir semula Pulau Besar. Ini adalah selari dengan kajian sistematik literatur oleh Azmi, Aznie, Rose, Awang, & Abas (2023), mengenai produk destinasi pelancongan baharu yang menekankan bahawa kerajaan sememangnya berperanan sebagai penggerak untuk inisiatif pembangunan destinasi baharu. Maka, dalam situasi ini kuasa yang diambil pihak kerajaan merupakan tindakan yang tepat untuk pembangunan dan pemulihan semula Pulau Besar demi kepentingan masyarakat dan industri pelancongan pulau.

Hasil kajian turut mendapati, proses pengambil alihan kuasa oleh agensi kerajaan untuk memberikan nafas baharu kepada Pulau Besar ini didakwa berhadapan dengan cabaran tentangan dan ancaman sehingga perlunya penglibatan kuasa besar atau pihak yang tertinggi dalam organisasi bagi menyokong tindakan pemulihan dan pembangunan semula Pulau Besar. Hal ini disebabkan para pengunjung di Pulau Besar merupakan mereka yang setia, mempunyai kepercayaan yang kuat dan ada juga dalam kalangan individu yang ekstrim dengan memperlihatkan amukan, menunjukkan mereka tidak setuju Pulau Besar 'diganggu' dengan tindakan kerajaan seperti yang didedahkan oleh informan IN12, IN13 dan IN14.

“...jadi kita guna la nama ketua menteri. Kita gunakan nama ketua menteri untuk kosongkan pulau ni. Kita minta tolong. Dapat la. Kira dalam kumpulan tu dia ketua la. Walaupun kita yang sebenarnya...”

(Informan IN12)

Kesan daripada tindakan kuasa yang diambil oleh kerajaan mempamerkan hala tuju yang lebih jelas dengan pemulihan kawasan, menaik taraf infrastruktur untuk kepentingan masyarakat tempatan dan pengunjung. Misalnya, menaiktaraf muzium Pulau Besar dan menjadikan sebagai pusat informasi dengan ‘wajah baharu’, membina tandas awam, infrastruktur jalan, kerusi meja di tepi pantai dan pelbagai lagi.

PSIKOLOGI

Pada bahagian ini, para informan telah ditanyakan beberapa soalan berkaitan dengan kepuasan diri terhadap pekerjaan mereka, rasa setuju dengan perubahan dan perancangan yang dilakukan serta keyakinan mereka terhadap pembangunan yang dijalankan. Hasil analisis kajian telah membuktikan, beberapa orang informan yang juga merupakan penduduk lokal dan badan kerajaan yang terlibat dalam pembangunan destinasi ini berasa amat berbangga dengan aset destinasi di kawasan mereka. Majoriti informan ini merupakan anak jati Melaka dan berasal daripada kampung berhampiran.

Berdasarkan kajian ini, perasaan kepunyaan dan bangga dapat dilihat dengan interpretasi mereka yang tidak sanggup bekerja luar daripada pulau, perasaan bangga kerana terlibat sama

dalam pembangunan pulau, berasa senang hati apabila terdapat ramai pengunjung yang datang serta memuji destinasi dan mengakui sebahagian dalam diri atau *sense of belonging* seperti yang diakui oleh beberapa informan antaranya informan IN1, IN2, IN8, IN13 dan IN16.

“...saya puas hati, saya tengok kadang-kadang ramai orang datang, dah mula ramai. Dia orang akan cakap, ‘eh, cantik eh pulau ni?’, ‘Allah, pulau ni cantik’. ‘Kita orang tak tahu pun (ketawa)’. Maklumbalas dia orang banyak kata pulau ni cantik...”

(Informan IN8)

“...saya ni bayangkan saya celik mata duduk dalam pulau, hidup dalam pulau tu, macam Tarzan dah duduk dalam lautan kan, jika tiba-tiba hantar keluar, bodoh jadi dia. Cakap betul ni, itulah logiknya...”

(Informan IN16)

Perkara ini dilihat selari dengan Yao, Zhang, Wang, Law, & Zhang (2020) yang mendakwa, sememangnya wujud hubungan emosi dan perasaan manusia terhadap sesebuah tempat atau persekitaran tertentu. Manakala Aleshinloye, Woosnam, Tasci, & Ramkissoon (2022) pula menerangkan situasi yang disebutkan sebagai *place attachment* bagi menunjukkan kewujudan hubungan antara individu dan persekitaran mereka.

Disamping itu, hasil analisis menunjukkan para informan begitu bersemangat dan minat terhadap pekerjaan yang mereka lakukan. Tambahan lagi, para informan berbesar hati kerana berpeluang mencari rezeki di kawasan sendiri serta terlibat sama dengan penawaran produk di lokasi kajian. Perkara ini turut diakui oleh para informan dalam kalangan kaki tangan kerajaan. Meskipun pekerjaan yang mereka lakukan adalah sebahagian daripada tanggungjawab dan keperluan pendapatan, tetapi hasil kajian memperlihatkan pekerjaan yang dilakukan turut menyumbang kepada pencapaian aktualisasi diri mereka seperti yang didedahkan oleh informan IN2 dan IN5.

“...kalau ditanya pada saya kenapa saya pilih turun padang untuk pulau ini, saya harap saya satu macam perjuangan kepada saya untuk membasmi khurafat. Pada sayalah dan saya dah hampir nak pencen, saya dah mencapai matlamat saya. Langkah seterusnya adalah bagaimana untuk bangunkan. Saya dah betul dah tu dah mencapai matlamat saya buang benda khurafat dan perkara pertama yang saya kena buat dahulu sebelum saya nak buat benda lain. Dah buat benda tu khurafat dan tak ada tempat-tempat yang tu kita bersihkan...”

(Informan IN2)

Aktualisasi diri mereka tercapai dengan mengambil tanggung jawab bagi melakukan pemulihan semula pulau ini. Sepertimana yang dikatakan oleh Gawel (2019), aktualisasi diri akan tercapai apabila seseorang telah memenuhi potensi diri. Sebagai contohnya, terdapat informan merasakan aktualisasi diri beliau tercapai apabila dapat menghapuskan kegiatan-kegiatan negatif yang berlaku di lokasi.

Selain itu, analisa kajian turut mendapati, para pegawai yang terlibat dalam pembangunan destinasi pelancongan, mempunyai keberanian dan keyakinan dalam pengendalian pekerjaan mereka. Terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi sewaktu proses pemulihan dan perubahan ke atas destinasi. Antaranya ancaman, timbul rasa kecurigaan, keyakinan dalam tindakan dan dugaan berurusan dengan pelbagai pihak seperti yang diakui oleh informan IN2, IN8 dan IN13. Oleh itu, diakui bahawa pihak pembangun dan yang terlibat dalam pembangunan semula destinasi perlu mempunyai kekuatan dalam diri yang dapat mengawal tindakan untuk memberanikan diri dan yakin dalam pekerjaan yang mereka lakukan untuk membangunkan destinasi.

Hasil kajian turut mendapati, sekiranya individu yang berkeinginan untuk bekerja di pulau perlu mempunyai minat dan kesabaran yang tinggi. Penemuan ini dianalisa daripada maklumbalas informan IN1, IN2, IN7 dan IN13. Hal ini disebabkan pulau merupakan lokasi yang terasing

daripada daratan serta banyak kekurangan dari segi fasiliti. Malah, mereka perlu berulang alik daripada laut ke darat sekiranya memilih untuk memiliki kerjaya melibatkan industri pelancongan pulau.

“...ada orang bila ada kerja, dia malas kerja. Ada orang, dia rasa tempat ni dia minat walaupun dia ada pendidikan yang tinggi. Kita tawarkan jawatan tertentu saja lebih rendah, dia pun terima. Ada orang dia suka kepulauan ni dia suka dia rasa boleh hidup dengan situasi itu. Ada orang nak pergi pulau, esok pergi pulau, hari ini dah tak nak pergi macam-macam alasan. Demam, batuk, anak sakit perut macam tulah. Jadi itu satu cabaran kepada kitalah tapi pada saya siapa yang berada di sini, dia kena buat diri dia tu gembira, ‘enjoy’ dan dia kena ada sasaran buat sesuatu. Itu yang saya nak ada. Kalau tidak, macam tu je. Perkara yang sama dekat jabatan-jabatan lain...”

(Informan IN2)

Walaubagaimanapun, terdapat dalam kalangan masyarakat tempatan yang memperoleh pendapatan hasil daripada aktiviti pelancongan di kawasan mereka sendiri, Pulau Besar. Hasil kajian demografi para informan mengakui bahawa lebih mudah untuk mereka mendapatkan pendapatan di tempat asal mereka sendiri di sebabkan latar belakang semenjak dari kecil. Terdapat dalam kalangan informan yang mewarisi pekerjaan bapanya bagi menyara keluarga melalui kelebihan sumber destinasi pelancongan ini. Oleh itu, kajian ini membuktikan bahawa latar belakang perusahaan keluarga secara psikologi mempengaruhi minat dan kesabaran untuk kekal menghadapi cabaran perniagaan di pulau.

KERANGKA KERJA PEMERKASAAN DARI PERSPEKTIF DESTINASI PELANCONGAN

Secara keseluruhannya, kajian ini bukan sahaja menyumbangkan kepada pembentukan teori tetapi juga pembuktian dalam kajian secara empirikal dengan menggabungkan pelbagai tindakan dalam indikator pemerikasaan seperti dalam jadual 4. Kajian pemerikasaan yang dijalankan ini menunjukkan bahawa, destinasi pelancongan yang telah bertapak lama dan kurang menyumbang kepada penjaan ekonomi tempatan masih boleh dipulihkan dan diberi ‘nafas baharu’. Seiring dengan kajian Szromek (2019), meskipun peringkat kemerosotan menjadi cabaran besar pada penggiat industri pelancongan, sesebuah tempat pelancongan masih boleh memulakan kitaran hidup yang baru.

Konsep pemerikasaan ini berfungsi dalam pembangunan melalui transformasi destinasi. Misalnya, kajian pemerikasaan yang dibincangkan dalam artikel ini telah menunjukkan wujudnya potensi baharu tarikan daripada asalnya hanya menumpukan kepada aktiviti penziarahan tetapi telah meningkatkan nilai daya saing dengan wujudnya kepelbagaian aktiviti seperti produk marin dan rekreasi. Selain itu, terdapat usaha untuk mempamerkan imej baharu dengan tindakan untuk menghilangkan stigma masyarakat terhadap pulau yang berunsurkan khurafat. Malah, hasil kajian turut memperlihatkan pertambahan cabang perniagaan yang akan membuka peluang pendapatan masyarakat tempatan, sepertimana yang disasarkan oleh kerajaan Negeri Melaka dalam pelan strategik negeri.

Pemerikasaan dalam perspektif destinasi pelancongan berupaya menjadi salah satu strategi untuk melestarian industri pelancongan sesebuah wilayah. Perkara ini selari dengan kajian Boley, Maruyama, & Woosnam (2015) dan Boley & Johnson Gaither (2016) dengan mendakwa, pemerikasaan adalah teras kepada falsafah dalam kemampuan pelancongan. Kelestarian industri dapat dicapai melalui pengukuhan destinasi yang akan menyokong pertambahan produk pelancongan seperti pelancongan bertemakan pulau melalui tindakan pemerikasaan. Pada akhirnya

memberi impak secara holistik kepada masyarakat, wilayah dan sesebuah industri untuk kekal berdaya saing.

JADUAL 4. Pemerkasaan Destinasi Pelancongan

Indikator Pemerkasaan	Pemerkasaan Destinasi di Pulau Besar	Justifikasi dan Signifikan
Pemerkasaan Ekonomi	▪ Peluang jana pendapatan dan kembangkan perniagaan	Proses pembangunan semula destinasi mencipta lebih peluang baharu perniagaan dan mempamerkan imej yang lebih segar dan berbeza daripada sebelumnya. Misalnya, pengusaha pengangkutan mengembangkan perniagaan keluarga dengan membekalkan perkhidmatan makanan di kawasan pelancongan.
	▪ Pengezonan di Taman Laut	Pewartaan kawasan perlindungan Taman Laut. Mempertimbangkan zon yang dibenarkan untuk menangkap ikan tetapi dalam kawalan.
	▪ Bantuan peralatan	Bantuan peralatan diberikan agar para pengusaha bot dapat mengembangkan penawaran perkhidmatan yang lain seperti aktiviti snorkel.
	▪ Peruntukan kewangan	Pelbagai saluran kewangan boleh dipohon dengan kerjasama pihak kerajaan dan agensi yang lain. Misalnya dana penganjuran program, Tabung Amanah, peruntukan wakaf, pembentangan kewangan daripada kerajaan negeri atau pun dengan menjalankan kerjasama daripada jabatan atau agensi.
	▪ Penyewaan aset	Terdapat pemilik aset yang memberikan peluang tanpa bayaran / sewaan murah kepada operator untuk memulakan perniagaan. Misalnya operator rekreasi diberi ruang meletakkan peralatan berkayak tanpa sewaan tempat.
Pemerkasaan Alam Sekitar	▪ Kawasan Perlindungan Marin dan Taman Laut	Melindungi hidupan semulajadi dan memulihara pelbagai habitat dan hidupan marin akuatik
	▪ Program konservasi dan menambah habitat laut	Menyokong hidupan marin, program konservasi sering dilakukan dengan penglibatan kerjasama beberapa sektor yang lain agar kesedaran dan pengetahuan tentang alam sekitar dapat diterapkan kepada masyarakat.
	▪ Konservasi pokok paya bakau dan pulihara pokok	Memastikan alam sekitar terpelihara dan berupaya mencipta aktiviti kepada peserta program.
	▪ Kerjasama program khidmat masyarakat	Program kolaborasi menjaga alam sekitar secara berterusan seperti gotong-royong, pembersihan pulau, penanaman paya bakau, penyelidikan alam sekitar, pembersihan pukuk di dalam laut, menambah spesis ikan, penanaman terumbu karang dan membuat tukun.
	▪ Melindungi habitat flora dan fauna	Menawarkan keindahan alam dan menjaga ekosistem alam.
Pemerkasaan Politik	▪ Punca kuasa dan pentadbiran kawasan	Tindakan perancangan dan pembangunan lebih mudah dicapai dan lebih lancar dengan campur tangan daripada pihak kerajaan. Beberapa individu informan dalam kalangan operator dan agensi swasta mengakui bahawa mereka lebih senang hati apabila pihak kerajaan memberi fokus terhadap pulau demi kelestarian dan manfaat semua pihak secara jangka panjang.
	▪ Badan berkecuali	Situasi kerajaan yang sering 'bertukar tangan' iaitu pertukaran pemimpin antara cabaran apabila melibatkan perancangan pembangunan di lokasi kajian. Meskipun begitu, pegawai yang terlibat tetap meneruskan pekerjaan mereka tanpa mengira ketua pentadbiran atau cabang parti politik.
	▪ Keperluan kuasa besar untuk kelancaran operasi	Kedudukan kuasa untuk melancarkan sesebuah pembangunan atau operasi. Pegawai yang ditugaskan memerlukan kekuatan dari segi 'kuasa' sebagai sandaran untuk melakukan pemulihan destinasi.
Pemerkasaan Psikologi	▪ Perasaan bangga dan rasa sebahagian dalam diri	Penduduk tempatan selaku pengusaha berasa bangga dengan kelebihan tempat mereka, perasaan yang ingin dikongsikan bersama para pelancong. Selain itu, pekerjaan yang melibatkan destinasi Pulau Besar ini begitu dekat dengan jiwa, menjadi sebahagian dalam diri mereka.

	▪ Pencapaian aktualisasi diri	Menjadikan budaya kerja sebagai sebuah prinsip dalam diri yang mesti dicapai. Memberi impak prestasi yang baik dalam proses menyelesaikan tanggungjawab pekerjaan mereka.
	▪ Semangat dan minat dalam pekerjaan	Terdedah dengan pekerjaan ahli keluarga di laut dan pergaulan menimbulkan minat mereka. Pekerjaan yang melibatkan persekitaran lautan setiap hari memerlukan minat yang amat tinggi untuk kekal bertahan dalam pekerjaan mereka. Disamping itu, menggalakkan para pekerja untuk mempunyai hala tuju agar mereka dapat mencapai sesuatu dalam pekerjaan.
	▪ Keberanian dan keyakinan dalam pekerjaan	Pihak pembangun atau pun mereka yang terlibat perlu berhadapan dengan pelbagai situasi seperti ancaman, kritikan dalam masyarakat tempatan atau pun pengunjug setia yang tidak bersetuju dengan perubahan yang ingin dilakukan. Oleh itu, pegawai yang terlibat memerlukan keberanian untuk mengambil sebarang tindakan dan yakin dalam keputusan yang dilakukan.
Pemeriksaan Agama dan Sosio-budaya	▪ Memeriah dan mengimarhkan surau bersempena Bulan Ramadhan	Penyediaan bot untuk sesiapa yang ingin menyertai jemaah berbuka puasa di Pulau Besar bagi menggalakkan masyarakat untuk sama-sama mengimarhkan surau.
	▪ Pencegahan aktiviti khurafat	Tindakan penggalian dan pemindahan kubur telah dilaksanakan. Manakala, unsur-unsur pemujaan, 'sembahyang' di serata bekas perkuburan yang telah dihapuskan sememangnya menjejaskan industri pelancongan untuk menarik pengunjug. Walaubagaimanapun, tindakan kawalan secara amaran dan pemantauan telah dimulakan bagi mengekang aktiviti berunsur khurafat.
	▪ Memulihara dan melindungi kesucian makam umat Islam	Pemuliharaan makam dilakukan dengan projek membaik pulih. Terdapat peruntukan tabung pemeliharaan dan pemuliharaan tapak warisan. Makam turut dipagarkan dan larangan menjalankan sebarang upacara.
	▪ Memberi teguran dan larangan aktiviti	Mengingatkan orang ramai untuk menghormati orang yang telah meninggal dunia. Para imam turut memberikan ceramah agama sewaktu tazkirah di surau dengan tajuk-tajuk yang berkaitan. Pendekatan yang dilakukan sekarang ini tidak terlalu keras, hal ini bagi memastikan keadaan terkawal, mengekalkan suasana aman dan damai terutamanya demi keselamatan para pekerja di surau dan pulau ini.
	▪ Mengeluarkan fatwa	Tindakanewartakan fatwa mengenai "Amalan dan Kepercayaan Khurafat di Pulau Besar, Melaka" pada tahun 2015. Membuat papan tanda untuk memberi peringatan kepada pengunjug larangan amalan dan perbuatan yang boleh membawa kepada khurafat.
	▪ Sensitiviti agama masyarakat	Kejadian pelancong luar negara datang ke pulau, memakai pakaian mencolok mata, kes mabuk, menjadi satu kekecohan dan melibatkan sensitiviti masyarakat setempat. Syarat patuh syariah diamalkan oleh para pemilik aset dan pengusaha perniagaan di Pulau Besar bagi menjaga sensitiviti masyarakat dan status Pulau Besar ini.

Sumber: Penyelidik (2024)

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, pembangunan destinasi pelancongan ini masih berada di peringkat awal pelaksanaan. Banyak lagi perancangan yang masih belum dijalankan dan berada di peringkat yang belum sempurna untuk menarik pelancong secara pasaran besar. Hasil kajian mendapati, indikator-indikator seperti pemerksaan ekonomi, politik, sosio-budaya, alam sekitar dan psikologi seiring dengan rangka kerja yang dibincangkan oleh Scheyvens & Van Der Watt (2021) kecuali pemerksaan agama yang mana menunjukkan penemuan yang berbeza. Hal ini disebabkan situasi atau fenomena yang berlaku pada destinasi kajian. Proses pembangunan semula melibatkan tindakan besar dalam kawalan melibatkan sensitiviti dan kepercayaan masyarakat di Pulau Besar. Selain itu, hasil kajian yang diperolehi dalam kajian pemerksaan ini menemukan pelbagai lagi

indikator yang lain setelah analisa tematik dijalankan. Tetapi, di dalam penulisan artikel ini hanya lima indikator kajian dibincangkan sebagai indikator asas. Cadangan kajian pada masa hadapan boleh dilanjutkan dengan kesan tindakan pemerkasaan yang dijalankan. Kajian artikel ini hanya menerokai peringkat proses dan tindakan tetapi belum dapat dikaji dari segi 'hasil' tindakan disebabkan pembangunan yang masih diperingkat permulaan perlaksanaan, belum melangkaui hasil yang dapat diukur. Disamping itu, kajian ini turut mencadangkan untuk diperkembangkan dari perspektif impak pemulihan semula terhadap pengunjung. Akhir sekali, hasil kajian ini dengan harapan menjadi sebuah rujukan yang berguna dalam pembangunan dan kelestarian industri pelancongan disamping menyumbangkan ilmu akademik yang bermanfaat.

PENGHARGAAN

Penghargaan dan terima kasih kepada Majlis Pembangunan Pulau-Pulau Melaka, Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Pejabat Perikanan Negeri Melaka, Majlis Agama Islam Melaka, Perbadanan Melaka, individu atau organisasi kerajaan mahupun swasta yang terlibat memberi kerjasama untuk melaksanakan kajian ini. Terima kasih turut disertakan kepada TAPK012925, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka atas sokongan bagi kajian dan penulisan makalah.

RUJUKAN

- Aghazamani, Y. & Hunt, C. A. 2017. Empowerment in tourism: A review of peer-reviewed literature. *Tourism Review International* 21(4): 333–346.
- Aghazamani, Y., Kerstetter, D. & Allison, P. 2020. Women's perceptions of empowerment in Ramsar, a tourism destination in northern Iran. *Women's Studies International Forum*: 79 (2020): 102340.
- Ahmad, H., Mohamad, A. H., Jusoh, H., Mahmud, M., Azman, H. & Tawil, N. M. 2017. Aset pelancongan luar bandar daripada lensa komuniti Lembah Beriah. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space* 13(1): 87–100.
- Aleshinloye, K. D., Woosnam, K. M., Tasci, A. D. A. & Ramkissoon, H. 2022. Antecedents and Outcomes of Resident Empowerment through Tourism. *Journal of Travel Research* 61(3): 656–673.
- Aniska, A. 2015. Peran lembaga agama dan perubahan nilai religiusitas masyarakat Desa Bukit Batu. Tesis Sarjana, Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik. Universitas Bangka Belitung Pangkal Pinang.
- Ardahaey, F. T. & Nabilou, H. 2012. Human resources empowerment and its role in the sustainable tourism. *Asian Social Science* 8(1): 33–38.
- Arida, N. S., Suryasih, I. A. & Parthama, I. G. N. 2019. Model of Community Empowerment in Tourism Village Development Planning in Bali. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* 313(1).
- Arifin, M. & Hambali, K. B. M. K. 2016. Islam Dan Akulturasi Budaya Lokal Di Aceh (Studi Terhadap Ritual Rah Uleidi Kuburan Dalam Masyarakat Pidie Aceh). *Jurnal Ilmiah Islam Futura*. 15(2): 251–284.
- Armadita, F. & Day, J. 2021. Psychological Empowerment in Community-Based Tourism: a case study of Yogyakarta, Indonesia. *Travel and Tourism Research Association: Advancing Tourism Research Globally*. 2.

- Azmi, E., Aznie, R., Rose, C., Awang, A. & Abas, A. 2023. Innovative and Competitive : A Systematic Literature Review on New Tourism Destinations and Products for Tourism Supply. *Sustainability* 15(1187): 1–19.
- Back, R. M., Lowry, L. L. & Cartier, E. A. 2018. Leapfrogging to empowerment and inclusivity: A South African hospitality and tourism business perspective. *Journal of Hospitality and Tourism Insights* 1(1): 4–36.
- Baiq Nila Retna Sari. 2020. The Community Empowerment in Tourism Development in Batu City: *International Conference in Social Science*, anjuran University of Merdeka Malang, 5-6 November, Indonesia.
- Bhuiyan, A. H., Siwar, C. & Ismail, S. M. 2013. Tourism development in Malaysia from the perspective of development plans. *Asian Social Science* 9(9): 11–18.
- Boddy, C. R. 2015. Sample size for Qualitative Interviews. *Qualitative Market Research: An International Journal* 19(2003): 426–432.
- Boley, B. B., Ayscue, E., Maruyama, N. & Woosnam, K. M. 2017. Gender and empowerment: assessing discrepancies using the resident empowerment through tourism scale. *Journal of Sustainable Tourism* 25(1): 113–129.
- Boley, B. B. & Johnson Gaither, C. 2016. Exploring empowerment within the Gullah Geechee cultural heritage corridor: Implications for heritage tourism development in the Lowcountry. *Journal of Heritage Tourism* 11(2): 155–176.
- Boley, B. B., Maruyama, N., & Woosnam, K. M. 2015. Measuring empowerment in an eastern context: Findings from Japan. *Tourism Management* 50: 112–122.
- Boley, B. B., Strzelecka, M. & Watson, A. 2018. Place distinctiveness, psychological empowerment, and support for tourism. *Annals of Tourism Research* 70: 137–139.
- Butler, G. 2017. Fostering community empowerment and capacity building through tourism: perspectives from Dullstroom, South Africa. *Journal of Tourism and Cultural Change* 15(3): 199–212.
- Çakar, K. & Aykol, Ş. 2021. Case Study as a Research Method in Hospitality and Tourism Research: A Systematic Literature Review (1974–2020). *Cornell Hospitality Quarterly* 62(1): 21–31.
- Coroş, M. M., Gică, O. A., Yallop, A. C. & Moisesescu, O. I. 2017. Innovative and sustainable tourism strategies: A viable alternative for Romania's economic development. *Worldwide Hospitality and Tourism Themes* 9(5): 504–515.
- Creswell, J. & Poth, C. 2018. *Qualitative Inquiry Research Design: Choosing Among Five Approaches*. SAGE Publications, Inc. (4th Editio). SAGE Publications, Inc.
- Fong, S. F. & Lo, M. C. 2015. Community involvement and sustainable rural tourism development: Perspectives from the local communities. *European Journal of Tourism Research* 11: 125–146.
- Gawel, J. E. 2019. Herzberg ' s Theory of Motivation and Maslow ' s Hierarchy of Herzberg ' s Theory of Motivation and Maslow ' s Hierarchy of Needs. ERIC/AE Digest. *Practical Assessment, Research, and Evaluation* 5(11): 1–6.
- Ghani, T. A. E. F. & Abdul, N. 2021. Impak Pemuliharaan Produk Pelancongan Warisan ke atas Perubahan Sosio Ekonomi dan Budaya Masyarakat Setempat di Terengganu. E-Proceeding International Webinar Community Development in Southeast Asia 2021 (IWCDSEA2021), 24-25 Mei. 26–39.
- Husni, M. F. bin. 2019. The Grave that Became a Shrine: The Lives of Keramat Graves in Singapore. Tesis Ijazah Sarjana (Penyelidikan). School of Art, Design and Media. Nanyang

- Technological University, Singapura.
- Iunius, R. F., Cismaru, L. & Foris, D. 2015. Raising competitiveness for tourist destinations through information technologies within the newest tourism action framework proposed by the European Commission. *Sustainability (Switzerland)* 7(9): 12891–12909.
- Jabatan Ukur dan Pemetaan, Malaysia. 2019. *Senarai Nama Pulau dan Entiti Geografi*.
- JAKIM. 2015. Amalan Dan Kepercayaan Khurafat Di Pulau Besar Melaka. Retrieved from <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/12438>
- Joo, D., Woosnam, K. M., Strzelecka, M. & Boley, B. B. 2020. Knowledge, empowerment, and action: testing the empowerment theory in a tourism context. *Journal of Sustainable Tourism* 28(1): 69–85.
- Kamus Dewan Edisi Keempat 2021. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia
- Knight, D. W. & Cottrell, S. P. 2016. Evaluating tourism-linked empowerment in Cuzco, Peru. *Annals of Tourism Research* 56: 32–47.
- Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya. 2021. RMK-12 Dalam Konteks Sektor Pelancongan. Retrieved from <https://www.motac.gov.my/media2/siaran/rmk-12-dalam-konteks-sektor-pelancongan>
- Khalid, S., Ahmad, M. S., Ramayah, T., Hwang, J. & Kim, I. 2019. Community empowerment and sustainable tourism development: The mediating role of community support for tourism. *Sustainability (Switzerland)* 11(22).
- Knight, D. W. & Cottrell, S. P. 2016. Evaluating tourism-linked empowerment in Cuzco, Peru. *Annals of Tourism Research* 56: 32–47.
- Kunjuraman, V. 2022. Community-based ecotourism managing to fuel community empowerment? An evidence from Malaysian Borneo. *Tourism Recreation Research* 47(4): 384–399.
- Kunjuraman, V. & Rosazman, H. 2017. Women Empowerment through Ecotourism Activities in Lower Kinabatangan Area of Sabah, East Malaysia. *Jgd*, 13(1): 135–148.
- Lonik, K. 'Azam T. 2020. Empowering Rural Community Through Tourism Entrepreneurship: Some Experience From Malaysia. European Proceedings of Social and Behavioural Sciences. 820–828.
- Mason, P. 2020. Social change and the growth of tourism. *Tourism Impacts, Planning and Management* 3–19. Butterworth-Heinemann.
- Mohd Ishak, N. & Abu Bakar, A. Y. 2014. Developing Sampling Frame for Case Study: Challenges and Conditions. *World Journal of Education* 4(3): 29–35.
- Mohd Kamel, M. S., Muhammad Firdaus, A. M. & Mohd. Asyran S. K. 2021. Unsur Khurafat Dalam Ajaran Sesat Di Malaysia: Analisis Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research* 26(2): 144–157.
- Murphy, P., Pritchard, M. P. & Smith, B. 2000. The destination product and its impact on traveller perceptions. *Tourism Management* 21(1): 43–52.
- Neuman, W. L. 2014. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*, Seventh Edition. Pearson Education Limited.
- Nordin, A. O. S., Tuan Lonik, K. A. & Jaafar, M. 2014. Empowering Local Communities through Tourism Entrepreneurship: The Case of Micro Tourism Entrepreneurs in Langkawi Island. *SHS Web of Conferences*, 12, 01101. <https://doi.org/10.1051/shsconf/20141201101>
- Paulino, I., Lozano, S. & Prats, L. 2021. Identifying tourism destinations from tourists' travel patterns. *Journal of Destination Marketing and Management* 19: 100508.

- Pechlaner, H., Hemtrei, M. & Kofink, L. 2009. Growth strategies in mature destinations: Linking spatial planning with product development. *Tourism* 57(3): 285–307.
- Polnyotee, M. & Thadaniti, S. 2015. Community-based tourism: A strategy for sustainable tourism development of Patong Beach, Phuket Island, Thailand. *Asian Social Science* 11(27): 90–98.
- Pradono, P., Faisal, B., Adriani, Y., Rikeu, R. & Fajriasanti, R. 2016. Towards model of community economic empowerment through tourism activities in Bogor Regency, West Java, Indonesia. *International Journal of Economics and Financial Issues* 6 (Special Issue): 46–49.
- Presenza, A., Sheehan, L. & Ritchie, J. B. 2005. Towards a model of the roles and activities of destination management organizations. *Journal of Hospitality, Tourism and Leisure Science* 3(1): 1–16.
- Rajamani, A. & Praveen, R. 2013. Empowerment of Women Through Tourism Industry in Sikkim State, India. *International Journal of Current Research* 5(12): 4301–4305.
- Ramli, M. F. & Idris, H. 2016. Pembangunan Mampan Pelancongan Maritim Di Pulau Perhentian, Terengganu (Sustainable Tourism Development At Perhentian Island, Terengganu). *Journal of Southeast Asian Studies* 21(1): 108–124.
- Ramos, A. M. & Prideaux, B. 2014. Indigenous ecotourism in the Mayan rainforest of Palenque: empowerment issues in sustainable development. *Journal of Sustainable Tourism* 22(3): 461–479.
- Rashid, B. 2013. Elemen destinasi dan kesan terhadap pengalaman percutian. *GEOGRAFIA Online TM Malaysian Journal of Society and Space* 9(4): 118–127.
- Rosniza Aznie, C., Usman, Y., Suriati, G., Rahim, Abdul, M., Rosmiza, M., Novel, L. & Mohd Fuad, M. 2012. Pantai perangan Besut, Terengganu sebagai destinasi pilihan pelancong (The coastal beach of Besut, Terengganu as a preferred tourist destination). *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space* 8(4): 64–74.
- Salleh, N. H. M., Shukor, M. S. & Idris, S. H. M. 2017. Impak Pembangunan Pelancongan ke atas Persekitaran Manusia dan Fizikal Komuniti Pulau Tioman. *Akademika* 87(3): 49–62.
- Samsir, S. W., Ahmad, H., Jusoh, H., Ah, E., Buang, A. & Mahmud, M. 2014. Pengintegrasian elemen pendidikan dalam pembangunan produk rekreasi di Tapak Warisan Dunia Melaka: Pendekatan pengusaha pelancongan. *GEOGRAFIA Online TM Malaysia Journal of Society and Space* 10(8): 13–25.
- Sari, N. I., Wajdi, F. & Narulita, S. 2018. Peningkatan Spiritualitas melalui Wisata Religi di Makam Keramat Kwitang Jakarta. *Jurnal Online Studi Al-Qur'an* 14(1): 44–58.
- Scheyvens, R. 1999. Ecotourism and the empowerment of local communities. *Tourism Management* 20(2): 245–249.
- Scheyvens, R. & Van Der Watt, H. 2021. Tourism, empowerment and sustainable development: A new framework for analysis. *Sustainability (Switzerland)* 13: 12606.
- Sharif, N. M. 2017. *Pelancongan Pulau dan Pembangunan Sosioekonomi Pengusaha Tempatan*. Tesis. Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia.
- Sri Winarni, S., Habibah, A., Choy, E. A., Hamzah, J. & Mohd Fuad, M. J. 2016. Meneroka edupelancongan di Melaka Bandaraya Warisan Dunia di Melaka Bandaraya Warisan Dunia berasaskan pengalaman pelancong domestik. *Malaysian Journal of Society and Space* 12(11): 156–167.
- Syaimak Ismail, Latifah Abd. Latif, & Faiz Mohd Baharom. 2022. *Tambo Pulau di Mulaqah*. Penerbit Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM).

- Szromek, A. R. 2019. An analytical model of tourist destination development and characteristics of the development stages: Example of the Island of Bornholm. *Sustainability (Switzerland)* 11(24).
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka. 2012. *Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 Cetakan Pertama 2021*. Jabatan Ketua Menteri Melaka (UPEN).
- W. C. Yew, V., Ramlan, S. F. M. & Ibrahim, M. K. S. 2023. Pemerkasaan dan Pembangunan Komuniti Orang Asli Melalui Ekopelancongan. *Akademika* 93(1).
- Yao, D., Zhang, K., Wang, L., Law, R. & Zhang, M. 2020. From religious belief to intangible cultural heritage tourism: A case study of Mazu belief. *Sustainability (Switzerland)*, 12(10): 1–15.
- Yin, R. K. 2014. *Case study research and applications: Design and methods*, Fifth Edition. SAGE.

Ezwani Azmi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi 43650, Malaysia
&
Faculti Pengurusan Hotel & Pelancongan,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka,
Kampus Alor Gajah,
78000 Melaka, Malaysia
Emel: ezwani.official@gmail.com

Rosniza Aznie Che Rose (Penulis koresponden)
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi 43650, Malaysia
Emel: aznie@ukm.edu.my

Azahan Awang
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi 43650, Malaysia
Emel: azahan@ukm.edu.my